

AL-KAFI #1213: HUKUM PENGAMBILAN PIL MINDA

SOALAN

Assalamualaikum Dato' Seri Mufti. Apakah hukum pengambilan pil minda yang banyak terdapat di pasaran pada masa kini? Mohon penjelasan. Terima kasih.

JAWAPAN

Alhamdulillah kami panjatkan kesyukuran kepada Allah SWT. Selawat dan salam kepada junjungan Nabi SAW, para isteri dan keluarga baginda SAW, seterusnya golongan yang mengikut jejak langkah baginda SAW hingga ke hari akhirat.

Di dalam Islam, kita disuruh untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam mencapai cita-cita atau impian yang di inginkan. Tidak terdapat jalan mudah atau jalan pintas dalam mencapai sesuatu kejayaan tanpa kesungguhan yang gigih. Allah SWT berfirman:

????? ?????????? ??? ?????????????? ??? ?????????????? ??????????
????????????????? ??? ??????????????????????

Maksudnya: *"Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri."*

(Surah al-Ra'd: 11)

Kecerdikan dan kepandaian dalam sesuatu ilmu pengetahuan adalah diperolehi dengan cara dipelajari. Sesuatu ilmu ini tidak dapat diwarisi serta tidak dapat diperolehi melainkan dengan jalan

pembelajaran. Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Muawiyah Bin Abi Sufyan R.A, bahawa beliau telah mendengar Nabi SAW bersabda:

???????? ??????? ???????????????????

Maksudnya: “*Sesungguhnya ilmu dengan dipelajari.*”

Riwayat al-Baihaqi (252)

Memetik kenyataan akhbar, menurut Dr. Jamnul Azhar, secara saintifiknya, makanan minda tidak memberi maksud secara langsung boleh mencerdaskan tetapi lebih kepada memperbetulkan fungsi badan. Penggunaan pil seperti ini adalah salah satu makanan tambahan atau suplemen yang membantu tubuh badan manusia untuk berfungsi dengan lebih baik.[\[1\]](#)

Menjawab kepada isu ini, penggunaan atau pengambilan pil minda adalah harus serta dibolehkan. Hal ini kerana, perkara ini termasuk dalam perkara-perkara duniawi yang dibenarkan sehingga terdapatnya dalil-dalil yang melarang kepada perkara tersebut. Ini berdasarkan kepada satu kaedah fiqh yang dinyatakan oleh Imam al- Suyuthi:

????????? ??? ?????????????????? ?????????? ??????? ??????????????
?????? ??????????????????

Maksudnya: “*Asal bagi sesuatu perkara adalah harus sehinggalah datangnya dalil yang menunjukkan kepada keharaman (perkara tersebut)*”. (Lihat **al-Asybaah wa al-Nazhair**,1/133)

KESIMPULAN

Dalam isu ini, kami cenderung mengatakan hukum pengambilan pil minda yang terbukti berkesan menurut kajian saintifik adalah harus dan dibolehkan selagimana pil tersebut tidak mengandungi bahan-bahan terlarang dan diharamkan oleh syarak. Namun demikian, konsep penyampaian maklumat yang digunapakai dalam aktiviti pemasaran perlulah dinyatakan dengan jelas dan jujur serta tidak memanipulasi fakta yang sebenar berkenaan pil genius tersebut. Begitu juga dari sudut penamaan produk, ianya perlulah selari dengan konsep yang dibawakan dan bukanlah sekadar bertujuan melariskan produk semata-mata. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan pengguna berterusan dalam kekeliruan serta mendapat maklumat yang tidak tepat. Berlaku jujur dalam setiap perkara, pasti akan terdapat keberkatan di kemudian hari.

Semoga dengan apa yang disampaikan ini membuka minda dan memberi kefahaman kepada kita semua dalam melayari kehidupan berlandaskan syariat Islam yang sebenar. Amin.

[1] Lihat Akhbar Sinar Harian bertarikh 2 April 2019, dibawah tajuk “Mujarabkah pil genius?”

Source: AI-KAFILI AL-FATAWI